

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan makluman dari Unit Khidmat Nasihat Perakaunan & Pengurusan Perubahan, Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah berkaitan.

2. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), JANM di bawah Modul Bayaran (Modul AP) telah membuat **dua (2) penambahbaikan** ke atas **Arahan Pembayaran Tanpa PT** seperti berikut:

I. Penggunaan Kod Pembekal OTV di Portal iGFMAS

Penambahbaikan pertama telah dilakukan di beberapa medan penting dan semakan dibuat seperti senarai berikut:

- Semakan ke atas Nombor Akaun Bank;
- Semakan ke atas Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Pendaftaran;
- Semakan maklumat Nombor Telefon Bimbit atau alamat E-mel telah dikunci masuk; dan
- Maklumat Terperinci Bagi Kod Pembekal OTV 10008 Dinyahaktif

II. Pertambahan atau Pengurangan Bilangan Penerima Bayaran

Penambahbaikan kedua yang dilakukan adalah pengaktifan butang Tambah dan Padam di skrin Butiran Penerima bagi proses Kuiri Arahan Pembayaran Penerima Berganda. Penyedia PTJ boleh membuat pertambahan atau pengurangan bilangan penerima sekiranya terdapat kuiri semasa proses perakuan oleh peranan Peraku 1, Semak AO atau Peraku 2. Walau bagaimanapun, Penyedia PTJ perlu memastikan amaun di Butiran Penerima, Data Asas dan jumlah baris caj adalah sama bagi mengelakkan berlaku ralat.

3. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, tuan/puan boleh e-mel kepada 1qfmas_ap@anm.gov.my atau hubungi pegawai BPTM (AP) seperti senarai berikut:

a) Encik Izhar bin Che Zainol Rashid

Nombor Telefon : 03-88821256

b) Encik Muhammad Zulhelmi bin Che Nai

Nombor Telefon : 03-88821417

4. Sehubungan dengan itu, hebahan ini adalah berkenaan kesediaan program di Modul Bayaran (Modul AP) yang **berkuat kuasa serta-merta**. Bersama-sama ini dikemukakan **infografik** seperti di **Lampiran A** dan **Manual Pengguna Arahan Pembayaran Tanpa PT** yang terkini seperti di **Lampiran B** untuk maklumat terperinci serta perhatian tuan/puan jua.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.